

23/07/2000

PM Bapa Pertanian Moden Malaysia

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam, diisytiharkan sebagai Bapa Pertanian Moden Malaysia kerana sumbangan dan jasanya menghidupkan kembali sektor itu.

Dalam acara penuh simbolik di Majlis Perasmian MAHA 2000, di Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil di sini, petang semalam, Menteri Pertanian, Datuk Effendi Norwawi, berkata Perdana Menteri, seorang pejuang utama pertanian dengan memperkenalkan Wawasan Pertanian Moden.

"Beliaulah yang mengarahkan kita membawa teknologi dan cara baru membela nasib petani, penternak dan nelayan di negara ini. Beliaulah pejuang utama kita, pembela nasib kita," katanya.

Menurut Effendi, melalui dorongan dan sokongan Dr Mahathir, kegiatan pertanian melalui perubahan yang besar.

Katanya, melalui perubahan ini, martabat sektor pertanian dan kedudukan petani akan melonjak ke tahap lebih tinggi.

"Kita berdoa semoga usaha dan perjuangan kita ini berjaya. Tapi, doa dan usaha gigih saja tidak mencukupi.

"Kita memerlukan pejuang yang cukup bijak dan berani memimpin perjuangan kita," katanya.

(END)